



AL-NASHRAH

Leading The Way - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
(Bil 1) Jan - Jun 2013 No. ISSN 2231-9794



SELAMAT DATANG
KE FAKULTI KEPIMPINAN
DAN PENGURUSAN
Y. Bhg. Profesor Dr. Aasma Ismail
Naib Canselor
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

Kata Aluan Dekan	3
YBhg Prof. Dato' Dr. Asma Ismail	4
Lawat FKP	
Berita FKP	5-7
Syiar Islam di German dan Belanda Terserlah Menerusi Usaha Masyarakat Turki	8
Menangani Tekanan Kerja	9
Berlandaskan Ajaran Islam	
On our pursuit to happiness...	10
Istitabah: Satu kaedah	11
Menangani Murtad	
Penglibatan Pekerja dan Kualiti Kehidupan Bekerja	16
Berita Pelajar FKP	18-19
Resensi Buku	21
Perkembangan Kerjaya Staf FKP	22

SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT

Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani

KETUA EDITOR

Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin

EDITOR

Prof. Madya
Dr Kamaluddin Nurdin Marjuni
Dr Salhah Abdullah
Dr Khairunneezam Mohd Noor
Fauziah Hassan

PENYUMBANG FOTO

En Al Imran Azmi
En Kamarull Syamzari Kamaruddin
En Mohd Yusrizal Mohd Yunus
En Tunku Mohd Hashrig Bakar

Allah s.w.t berfirman: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."
(An Nisaa : 58)

Al-Nashrah mengalu-alukan sumbangan bahan untuk diterbitkan di dalam buletin yang akan datang. Artikel boleh dihantar kepada:

Ketua Editor,
Buletin Al-Nashrah
Fakulti Kempimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai 71800

RENCANA PENGARANG



Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin
Ketua Editor
Buletin Al Nashrah

“

Pihak kami juga ingin mengucapkan ribuan tahniah kepada staf akademik yang telah berjaya mengharumkan nama fakulti dan universiti menerusi penerbitan buku, penulisan dan penyelidikan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T atas kudrat-Nya, buletin AL-Nashrah kali keempat sempena Edisi Pertama untuk tahun 2013 telah dapat diterbitkan.

Tema penerbitan buletin pada kali ini memberi pendekatan yang agak berbeza di mana kandungannya yang berbentuk separa ilmiah akan menjadi satu tarikan kepada pembaca. Terbitan ini, akan memaparkan lebih banyak isu-isu berkaitan kemasyarakatan dan program yang berbentuk *community engagement* dalam kalangan mahasiswa.

Penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa perlulah dititikberatkan. Universiti akan menjadi cerminan kepada para mahasiswa apabila berjaya melahirkan tokoh modal insan yang memiliki sifat al-Abrar hasil daripada pendidikan yang diperoleh sepanjang pengajian mereka. Justeru, penerapan yang seimbang di antara akademik dan kegiatan kokurikulum adalah menjadi agenda utama Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dalam usaha untuk melahirkan mahasiswa yang matang, berdikari dan berani berhadapan dengan cabaran luar.

Penerbitan kali ini turut mengetengahkan beberapa rencana tulisan tenaga akademik Fakulti berdasarkan penyelidikan, pembacaan, pengalaman dan pemerhatian yang boleh dimanfaatkan oleh pembaca. Pihak kami juga ingin mengucapkan tahniah kepada staf akademik yang telah berjaya mengharumkan nama Fakulti dan Universiti menerusi penerbitan buku, penulisan dan penyelidikan.

Diharapkan agar Al-Nashrah menjadi platform kepada pembaca setia bagi mendapatkan maklumat berkenaan fakulti ini dan mengikuti perkembangan terkini kami. Sidang Editorial juga bersedia untuk mendengar segala cadangan dan komen membina daripada pembaca supaya dapat menghasilkan sebuah makalah separa ilmiah yang lebih berkualiti dan efektif.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada warga kerja buletin Al-Nashrah yang telah bersama-sama mengangkatnya sebagai wadah rasmi Fakulti menerusi penerbitannya yang berkala sejak diterbitkan.



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Awal kalam, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana mengizinkan kita sama-sama menikmati berkat Ramadhan al-Mubarak bersama-sama pada tahun ini dan dapatnya saya berkongsi sepatah dua kata dalam buletin al Nashrah untuk kali pertama bagi keluaran Januari-Jun 2013.

Di kesempatan ini, saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada empat orang ahli akademik Fakulti ini yang telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah iaitu Dr Mohd Faizal Kasmani dan Dr Rozita Abdullah dari Program Komunikasi dan Dr Mahazan Abdul Mutalib dan Dr Khairunnezam Mohd Noor dari Program Dakwah dan Kepimpinan Islam.

Memperolehi PhD merupakan kejayaan untuk diri sendiri, FKP dan USIM selain menambah bilangan modal insan berpendidikan tinggi di negara ini. Kembalinya mereka dengan PhD ini tentunya akan memperkukuhkan segala kekuatan yang ada di FKP dalam pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan graduan yang boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan lulusan daripada universiti-universiti ternama dalam dan luar negara.

Selain sentiasa berusaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran menerusi sinergi tenaga antara angkatan akademik dan staf sokongan, aktiviti pelajar juga sentiasa diberikan keutamaan demi melestarikan idea melahirkan graduan yang bersahsiah, berketrampilan serta berkempimpinan tinggi.

Academic Week of FKP (ACAWeek) antaranya adalah program pembangunan pelajar yang bermatlamat meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar FKP. Aktiviti anjuran Persatuan Mahasiswa FKP ini bertujuan membudayakan ilmu di kalangan pelajar, antara lain menekankan kepentingan mempraktikkan pengucapan awam berkesan menerusi ruang "Speaker Corner".

Program ini dilihat selari dengan usaha Fakulti melahirkan pemimpin yang berjiwa besar, yang antara lain mempunyai kemahiran pengucapan awam yang baik. Aktiviti lain seperti

Reputasi Universiti Sains Islam Malaysia

DARI MEJA

DEKAN

diadakan di peringkat kebangsaan menjadi satu lagi platform bagi pemimpin pelajar masa hadapan untuk memahami konsep kepimpinan dari konteks Islam dan Barat, di samping terlibat dalam aktiviti keterlibatan komuniti yang disediakan.

Di samping program-program berbentuk akademik dan serius sifatnya, Fakulti juga tidak melupakan program berbentuk riadah untuk staf dan pelajar. Karnival SUKA dan Hari Keluarga FKP menyediakan ruang bagi staf dan para pelajar untuk bersama-sama bersukan, serta terlibat dalam aktiviti kebudayaan dan keusahawanan, sekaligus merapatkan hubungan antara staf dan pelajar, tidak kira dalam kalangan staf akademik mahupun staf sokongan.

Sesungguhnya, begitu banyak aktiviti dijalankan dengan jayanya yang tidak dapat saya nukilkan satu persatu di sini. Akhir kata, semoga usaha yang telah dijalankan bersama ini bukan sahaja bermanfaat kepada pelajar dan diri kita pada hari ini, tetapi juga akan menjadi bekalan di akhirat nanti. Justeru, kita semua yang menakhodai fakulti ini perlu mempunyai rasa kepunyaan (sense of belonging) yang tinggi terhadap program-program dan pelajar yang kita sayangi.

Penerbitan Al Nashrah ini juga saya lihat sebagai usaha memperbaiki diri dalam bentuk mempertingkatkan sebaran ilmu dalam kalangan warga Fakulti. Justeru, saya ucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada sidang editorial yang terlibat. Semoga lebih banyak informasi berguna dapat disalurkan pada masa hadapan dan bakat-bakat penulisan dalam kalangan warga Fakulti dapat diketengahkan dengan wujudnya peluang seperti ini.

Salam Hormat,

**Prof. Dr. Zulki-
ple Abd Ghani
Dekan Fakulti
Kepimpinan dan
Pengurusan,
USIM**

11 Jan - Jun 2013



NC USIM LAWAT FKP

4 Jan – Naib Canselor USIM yang baru iaitu Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Asma Ismail telah berbesar hati dengan melawat ke Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) untuk berkenalan dengan keseluruhan staf FKP di samping mengetahui dan memantau perkembangan di FKP. Lawatan ini dimulakan dengan sesi pembentangan oleh Dekan FKP iaitu Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani untuk menerangkan objektif penubuhan setiap program di FKP dan membentangkan laporan terkini staf dan para pelajar FKP. Menurut Naib Canselor, lawatan ini adalah untuk melihat sejauhmana perkembangan FKP dalam aspek pembelajaran dan pengajaran serta untuk meneliti pelbagai masalah dan kekangan yang dihadapi oleh staf dan para pelajar di FKP. "Saya ingin melihat FKP terus maju dalam pelbagai aspek dan sekaligus menjadi fakulti contoh untuk fakulti yang lain, selaras dengan nama fakulti ini sebagai fakulti kepimpinan dan pengurusan," katanya ketika menyampaikan ucapan. Selain itu, turut diadakan sesi soal jawab bersama staf FKP bagi membincangkan pelbagai isu seperti kemudahan komputer baru, bayaran yuran pengajian sarjana, peluang untuk menghadiri seminar dan sebagainya. Di akhir pertemuan, beliau mengharapkan agar staf FKP dapat memberi tumpuan lebih kepada bidang penyelidikan setelah pelbagai kemudahan dan insentif terkini yang telah diperkenalkan untuk menggalakkan para pensyarah terlibat secara aktif dalam bidang penyelidikan dan juga penerbitan. Beliau yang turut disertai oleh barisan pengurusan tertinggi USIM dalam lawatan tersebut telah melawat pelbagai kemudahan yang disediakan di FKP seperti makmal kaunseling, studio radio dan tv dan mendengar penerangan yang disampaikan oleh



Two USIM's Researchers Shared Expertise in Data Analysis at Sultan Sharif Ali Islamic University (UNISSA), Brunei - By : Salhah Abdullah and Norailis Ab. Wahab

Feb 19 - Two researchers from Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Salhah Abdullah and Dr. Norailis Ab. Wahab have been invited to be facilitators at a Research Proposal Preparation and Data Analysis Workshop at Sultan Sharif Ali Islamic University (UNISSA). It was held for two days on UNISSA main campus in Bandar Seri Begawan. The training which focused on how to apply NVivo10 and SPSS 20 in studies involved 45 participants comprising lecturers, post graduate students and government staffs from two laboratories.



All participants were amazed by the user friendly interface of the NVivo software which is used in managing and analyzing qualitative data because most of them are using it for the first time. The facilitators used data from counseling and benchmarking studies so that the participants can become familiar with real data from the field. The participants were also required to present qualitative data along with its models through NVivo software collaboratively. They were keen to share their experiences at the end of the session despite the facilitators' constructive criticism.



Qualitative data were easily collected via successful stimulation of participants to write a self reflection before the session started. This was gathered as a part of authentic qualitative data to be analyzed and discussed in the next session. The forum that was held prior to the last day of the workshop gave an opportunity to the participants to highlight and seek clarifications on certain issues with all five facilitators. The event attracted a reporter from Brunei Times who interviewed us and published an article in the newspaper based on the interview the following day which was entitled "Two experts from Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) expressed their interest in assisting Bruneian students in the pursuit of their research" 22 Feb. 2013.

Dr Rumaizudin Menang Anugerah Buku Terbaik



30 April - Dr Mohd Rumaizudin Ghazali, Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah berjaya memenangi Anugerah Buku Terbaik (Kemanusiaan dan Sains Sosial) untuk buku bertajuk Yusuf Al-Qaradawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia anjuran Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Ketua Penerbit USIM, Puan Hariza Yusof berkata kemenangan ini menjadi dorongan untuk warga penerbit berusaha lebih gigih dalam menghasilkan penerbitan yang berkualiti. "Saya juga turut melahirkan rasa syukur dan gembira atas penganugerahan ini dan mengharapkan agar saya boleh menghasilkan penulisan yang lebih baik untuk penerbit USIM," kata Dr Rumaizudin ketika ditemu bual.

Anugerah ini telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Datuk Ab. Rahim Md Noor, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi. Turut hadir ialah Dato' Prof. Dr. Morshidi Sirat Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, dan juga Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USIM, Prof. Dr. Musa Bin Ahmad, Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, Prof. Dr. Hajah Mustafa Bin Mohd Hanefah serta tetamu-tetamu yang lain.

Dr Rumaizudin telah berjaya membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM 12,000.00, trofi dan sijil. Kejayaan ini juga merupakan kejayaan sulung penerbit USIM.

Anugerah yang dianjurkan oleh MAPIM ini merupakan acara tahunan yang diadakan bagi mengiktiraf buku-buku, makalah serta jurnal yang terbaik dalam kategori sains sosial serta sains dan teknologi.

Majlis Anugerah MAPIM 2012 telah diadakan di Hotel Marriot, Putrajaya merupakan anugerah berprestij dalam kalangan ahli MAPIM yang bertujuan meraikan mereka yang terbaik dalam penerbitan buku.

Sumber : Bahagian Penerbitan

Program Komunikasi Terima Kunjungan dari USM



30 Mei - Program Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menerima lawatan akademik dari Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia (USM) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Azman Azwan Azmawati dan disertai tiga pensyarah USM yang lain iaitu Dr Nik Norma Nik Hassan, Dr. Juliana Abd Wahab dan Hajjah Dr Hasrina Mustafa.

Lawatan akademik tersebut telah dimulakan dengan taklimat ringkas mengenai Program Komunikasi USIM yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr Mohd Yahya Mohamed Ariffin, Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

"Kami sangat tertarik dengan kaedah e-LI yang diperkenalkan di USIM kerana berpendapat kaedah mengisi laporan latihan amali melalui atas talian dilihat sangat praktikal," komen Dr Azman sejeurus selepas Dr Mohd Yahya selesai memberi taklimat.

26 Pelajar SPADA Dirai

19 Mac – Satu majlis Makan Malam Iringan Kasih telah dianjurkan bagi meraikan 26 pelajar SPADA sesi 2011/2013 yang juga merupakan kohort pertama Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan Dadah di Hotel Equatorial Bangi, Selangor.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Aishah Abu Bakar, Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan dan Akademik, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

“Saya berbangga dan ingin mengucapkan tahniah kepada USIM kerana berjaya mengendalikan program Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan Dadah dengan begitu cemerlang sehingga program ini telah dipertingkatkan tarafnya hingga ke peringkat Sarjana,” katanya dalam ucapan perasmian.

Menurut beliau lagi, melalui program ini, USIM telah berjaya mencetuskan idea menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan iaitu ACREDA atau Asian Center For Research On Drug Abuse yang mana aktiviti-aktiviti COE yang berkaitan dengan dadah ini dapat diperluaskan. Kami di pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam memastikan program ini dapat dilestarikan dan berusaha untuk menyalurkan peruntukan untuk menjalankan program terutamanya yang bersifat “community engagement”.

Selain itu, dalam ucapan Naib Canselor USIM Yang Berbahagia Prof. Dato’ Dr. Asma Ismail, beliau berharap pelajar-pelajar akan menggunakan segala ilmu pengetahuan yang diperolehi untuk membantu negara dalam memerangi dadah musuh negara, kerana ianya merupakan tanggungjawab sebagai seorang yang berpengetahuan tinggi dan berwibawa dalam disiplin penyalahgunaan dadah.

Beliau turut melahirkan rasa bangga dan mengucapkan terima kasih kepada ACREDA dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan kerana melalui program Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan Dadah, telah banyak kajian dan penulisan yang berkaitan dengan pendekatan pencegahan dan pemulihan dadah dihasilkan.

Pengarah ACREDA Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan bin Mohd Jailani, mengharapkan agar pihak KPT dapat terus menyumbang bantuan daripada aspek kewangan untuk membantu pusat itu dan pelajar-pelajarnya menjalankan aktiviti dan program selepas ini.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Yang Berbahagia Prof. Dato’ Dr. Musa bin Ahmad, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa; Prof. Dr. Zulkiple bin Abdul Ghani, Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan; Mantan Pengarah ACREDA Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Mohd Hussin juga merupakan Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.



127 Kanak-Kanak Pintar Hadiri Kem, Bakal Dapat Sekolah Baru

25 Mei – Seramai 127 kanak-kanak Islam pintar telah berjaya mengikuti kem Permata Insan untuk kali keenam yang bermula pada 25 Mei hingga 1 Jun di Sekolah Menengah Sains Banting, Selangor.

Untuk kem kali ini, Pusat PERMATA Insan telah menerima pengambilan terbaru seramai 48 pelajar dari seluruh negara yang telah berjaya melalui pelbagai ujian dan temu duga.

Menurut Pengarah Pusat PERMATA Insan, Prof. Datuk Dr Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, tema untuk perkhemahan kali ini adalah berbeza untuk setiap kumpulan pelajar. Untuk kumpulan pertama iaitu pelajar lama (senior) tema yang diketengahkan ialah Wahyu Fizik, kumpulan kedua iaitu kumpulan junior temanya adalah Astronomi dan kumpulan ketiga iaitu kumpulan pelajar yang baharu (super junior) mengetengahkan tema Zoologi.

Menurut Naib Canselor, YBhg. Prof. Dato’ Dr. Asma Ismail, USIM kini di dalam proses menubuhkan Kolej PERMATA Insan di kampus Nilai dan projek tu telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran.

“Kolej PERMATA Insan USIM akan ditubuhkan dalam tempoh 2 tahun lagi, sekitar tahun 2015. Apabila siap kelak, Kolej ini bakal menjadi penghubung (bridge) untuk anak-anak PERMATA Insan dalam menyediakan platform pembelajaran yang lengkap sehingga tamat Tingkatan 5,” ujar beliau ketika merasmikan Program Perkhemahan Bersepadu PERMATA Insan 1/2013.

Pengumuman itu sekaligus memberikan khabar gembira kepada para ibu bapa dan juga pengurusan Pusat PERMATA Insan dan adik-adik Islam di masa akan datang.



MQA Semak Fail Pengajaran FKP



6 Mac – Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah menerima lawatan dari Malaysian Qualifications Agency (MQA) untuk menilai dan meneliti fail pengajaran bagi kursus-kursus tertentu terutama untuk pengajaran prasiswazah yang telah ditawarkan di FKP.

Lawatan dari pihak MQA pada kali ini memberi fokus untuk menyemak fail pengajaran dan juga sijil kelayakan program yang telah ditawarkan. Selain itu, pihak MQA juga turut menemubual beberapa pensyarah, tutor dan pelajar bagi memastikan program yang ditawarkan mengikut spesifikasi yang telah ditawarkan dan sekaligus mengenalpasti sekiranya terdapat masalah.

Antara yang turut hadir semasa lawatan dan perbincangan tersebut ialah Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, Dekan FKP; Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohd Ariffin, Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan); Cik Noor Fazira Abdul Rashid, Penolong Pendaftar Kanan (Akademik) dan juga ketua program.

FKP Bakal Anjur FFVPM, IC-DAIM

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) akan menganjurkan dua program besar pada penghujung tahun ini dan awal tahun depan.

Program Komunikasi FKP julung kalinya bakal menganjurkan Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) pada 15 hingga 16 November ini dengan bertemakan Evolusi Lensa Merentas Globalisasi.

Menurut Pengarah Program, Puan Rosidayu Hj Sabran, peluang untuk menjadi tuan rumah bagi FFVPM yang Ke 10 kali ini dan mendapat kepercayaan dari pihak FINAS adalah satu platform yang baik untuk memperkenalkan Program Komunikasi di USIM kepada masyarakat luar terutamanya para pelajar.

"Pihak kami berharap dengan adanya program yang berbentuk pendidikan dan hiburan ini dapat menarik lebih ramai lagi penyertaan daripada peserta dari seluruh IPTA dan IPTS di Malaysia," katanya lagi.

Selain itu, satu seminar peringkat antarabangsa iaitu International Conference on Da'wah and Islamic Management juga bakal dianjurkan yang memang menjadi acara dwi-tahunan yang dianjurkan oleh FKP.

Seminar yang bertemakan Da'wah and Islamic Management : A Platform for Wasathiah Leadership akan berlangsung pada 11 hingga 12 Mac tahun hadapan. Maklumat penuh mengenai penganjuran karnival dan seminar ini boleh dilayari di laman web USIM.



e-Sohffanz Bantu Dr Sapora Terima Anugerah Inovasi



3 Mei – Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon telah berjaya meraih Anugerah Inovasi yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (kini Kementerian Pendidikan Malaysia) pada Malam Citra Inovasi yang diadakan di Hotel Marriot, Putrajaya.

Menurut beliau, hasil penyelidikan Tekanan Keluarga (e-Sohffanz) yang dijalankan bersama Dr Othman Abdul Rahman, Nurul Hidayah Mat Sarip, Fariz Sakina Abdullah dan Muhd Zarif Muhammad telah memberi tuah kepada kami semua sehingga berjaya dinobatkan sebagai salah satu hasil penyelidikan yang boleh dikomersilkan.

"Sebagai ketua penyelidik, saya sememangnya memberi penumpuan yang lebih kepada penyelidikan e-Sohffanz ini bagi memastikan hasilnya nanti boleh memberi faedah kepada masyarakat di luar sana," katanya ketika ditemu bual.

Penganugerahan ini adalah disebabkan ianya menepati kriteria yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Inovatif

Oleh: Prof. Madya Dr. Muhammad Yusuf Khalid

Syiar Islam Terserlah Menerusi Usaha Masyarakat Turki

Masjid Turki bersebelahan dengan Gereja di Bandar Mannheim, German.



Peristiwa 9/11 yang diikuti dengan fenomena Islamophobia sepertinya tidak menjejaskan perkembangan Islam secara umum di Jerman dan Belanda, demikian juga halnya dengan slogan 'war on terror' yang ramai menterjemahkan dengan perang terhadap umat Islam. Setelah menyaksikan beberapa buah masjid yang berdiri megah di dua buah negara Eropah ini maka sangat terasa maksud firman Allah bahawa mereka mahu memadamkan cahaya Allah tetapi Allah menyempurnakan cahaya-Nya. Bagaimana kita dapat berasakan bahawa bumi ini sebenarnya bumi Allah, di mana sebuah gereja dahulunya berdiri megah dengan bangunan yang begitu indah, tetapi lebih kurang sepuluh tahun yang lalu telah bertukar fungsinya menjadi sebuah masjid hanya dengan hasil sumbangan masyarakat Islam Turki yang bekerja di sekitar bandar Amsterdam, Belanda.

Masyarakat Turki di dua negara ini secara umum sangat faham dan yakin bahawa nikmat rezeki yang mereka kecapi selama ini adalah datangnya daripada Allah SWT. Oleh yang demikian, untuk menjaga agar nikmat ini berkekalan bahkan bertambah lagi maka mereka tidak teragak-agak untuk berkorban demi mendirikan rumah Allah dalam bentuk yang paling sempurna.

Masjid Alfatih di Amsterdam, Belanda wajib dijadikan sebagai lokasi pelancongan bagi masyarakat Islam yang berkunjung ke Amsterdam untuk menyaksikan betapa kesungguhan masyarakat Turki menunaikan tuntutan agama sekalipun mereka berada jauh dari negara mereka sendiri, dengan membeli gereja untuk dijadikan masjid.

Bagi masyarakat Belanda dan German, menukar fungsi sebuah gereja kepada masjid bukanlah satu perkara yang pelik kerana ada ratusan gereja yang tersergam indah dan jarak antara satu sama lain hanyalah beberapa ratus meter sahaja. Hal ini menunjukkan

bahawa masyarakat Eropah beberapa ratus tahun yang lalu pernah menjadi masyarakat yang sangat kuat beragama, namun kerana beberapa sebab antaranya banyak persoalan yang tidak dapat dijawab dengan tepat oleh pihak gereja sehingga sebahagian masyarakat Kristian tidak lagi mempercayai kewibawaan pihak gereja, seterusnya mereka tidak lagi memberikan sumbangan kepada pihak gereja, akhirnya ada gereja yang terpaksa dijual.

Pada hari Jumaat 15.4.2013 penulis sempat menunaikan solat Jumaat di masjid Mavlana di Rotterdam, Belanda yang dihadiri sekitar 1000 masyarakat Islam Turki. Perasaan sangat terharu sempat hadir bila teringat bahawa masyarakat Turkilah yang membawa agama Islam ke Eropah seperti Bosnia, Albania, Kosovo dan Bulgaria, dan sekarang pula mereka sedang bertapak kukuh di Jerman dan Belanda.

Pencapaian masyarakat Turki di German dan Belanda adalah satu pencapaian yang sangat membanggakan bagi umat Islam di seluruh dunia, di mana mereka mempunyai pasar raya dan restoran mereka sendiri di mana pelanggannya terdiri daripada lebih kurang 50 peratusan daripada masyarakat Eropah sendiri, bahkan di Rotterdam, Belanda mereka mempunyai Universiti Islam mereka sendiri. Menurut pandangan mata kasar, komuniti mereka akan lebih mantap dan berkembang di masa akan datang kerana masyarakat Islam dari bangsa Arab, Pakistan, Melayu, dan lain-lain turut membantu perkembangan ekonomi mereka.

Pencapaian masyarakat Turki di German dan Belanda adalah satu pencapaian yang sangat menarik perhatian, kerana mereka bukanlah masyarakat yang mengalami masalah ekonomi dan politik di Turki sehingga berhijrah ke Eropah. Sebaliknya, negara Turki adalah salah sebuah negara yang stabil ekonomi dan politiknya.

Fenomena ini boleh menimbulkan tanda tanya, adakah masyarakat Turki sanggup berhijrah semata-mata mahu menyebarkan agama Islam di Eropah? Kerana negara Turki bukanlah sebuah negara yang kurang cantiknya untuk dilawati berbanding dengan negara-negara Eropah. Dengan kata lain adakah semangat Khilafah Uthmaniyah masih tertanam dalam hati-hati mereka sehingga sanggup meninggalkan negara mereka yang cantik demi menyebarkan agama Islam di Eropah.

Penulis sempat meluahkan perasaan kagum melihat sikap masyarakat Turki menyebarkan agama Islam di Eropah kepada salah seorang rakyat Malaysia yang telah menetap di Rotterdam, Belanda selama 42 tahun, beliau hanya berkata: Oh, masyarakat Turki memang tentera Allah.



Oleh : *Khairunneezam Mohd Noor,
Adanan Mat Junoh dan Nur Husna
Muhamad Hussain*

Menangani Tekanan Kerja Berlandaskan Ajaran Islam

Dunia pekerjaan memang memberikan pengaruh yang cukup terkesan dalam kehidupan. Apa tidaknya, satu pertiga daripada kehidupan seharian diluahkan di tempat kerja. Seringkalilah kita akan berhadapan dengan tekanan kerja yang mana jika ianya bijak dikawal akan meningkatkan tahap produktiviti kerja dan motivasi, tetapi jika sebaliknya akan memberi impak negatif kepada diri sendiri.

Tekanan disebabkan pekerjaan merupakan interaksi kompleks di antara persekitaran di tempat kerja, personaliti dan reaksi tubuh badan dan mental seseorang. Persekitaran pekerjaan memberikan desakan dan tekanan tertentu yang merangsang tindak balas individu secara mental dan fizikal. Tugas yang terlalu banyak, hubungan dengan rakan sekerja yang tidak baik, ketua yang suka marah-marah dan suasana kerja yang tidak selesa adalah contoh persekitaran kerja yang memberi tekanan negatif. Tekanan ini seterusnya memberi impak terhadap kesihatan psikologi dan fisiologi seseorang individu sekiranya ia tidak ditadbir dan tidak dikawal dengan metodologi yang tepat.

Banyak implikasi negatif berlaku apabila seseorang tidak dapat mengawal tekanan kerjanya. Panas baran, murung, gelisah, kelesuan, sentiasa rasa bersalah, ketakutan, dan hilang tumpuan adalah antara kesannya. Kadang kala, ada dalam kalangan kita yang mencari jalan singkat dan salah dalam mengatasi tekanan seperti ponteng kerja, melakukan masalah disiplin di tempat kerja, merokok, meminum arak dan sebagainya. Berlaku juga kes-kes di mana individu yang tertekan di tempat kerja melepaskan tekanan di rumah dengan mendera anak atau ke tahap melampau sehingga mahu membunuh diri.

Sebagai seorang Muslim, kita perlu sedar bahawa kaedah terbaik menangani tekanan kerja sebegini adalah dengan berpegang erat kepada ajaran dan syariat Islam. Islam telah menegaskan bahawa seseorang yang menghadapi tekanan dan kesusahan perlulah bersabar, tenang, sentiasa rasional dan yakin dengan ketentuan Allah SWT. Allah SWT telah memberikan panduan terbaik dalam menangani tekanan sebegini melalui firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 155-156, maksudnya: "Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar (iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."

Sebagaimana ketentuan Allah SWT bahawa setiap apa yang ada di dunia ini berpasangan, seperti mana siang dan malam atau lelaki dan perempuan, begitu jualah kesenangan dan kesukaran atau rahmat dan dugaan. Kita harus menerima hakikat bahawa kehidupan manusia akan selalu diuji oleh Allah SWT. Kita perlu meletakkan keyakinan bahawa ujian seperti tekanan kerja sebegini adalah bertujuan untuk memantapkan nilai-nilai keimanan, ketaqwaan, kesyukuran dan rasa cinta kita kepada-Nya. Apabila kita yakin, dengan izin Allah SWT, segala permasalahan yang membelenggu diri akan dirungkaikan dan akhirnya kita berjaya menghadapi tekanan dengan tenang dan berjaya.

Banyak kaedah menghadapi tekanan kerja berlandaskan ajaran Islam yang cukup berkesan untuk diamalkan. Pertama, menjaga solat fardu lima waktu dan memperbanyakkan solat sunat. Banyak kajian pakar psikologi Barat sendiri yang telah memperakukan fadilat solat dalam memberi ketenangan jiwa dan pemikiran seseorang. Menurut kesimpulan beberapa kajian

Gerakan-gerakan dan keadaan minda dalam solat berupaya menghalang pengaliran keluar hormon-hormon seperti Cortisol, Epinephrine dan Norepinephrine daripada kelenjar adrenalin yang bertindak balas terhadap sebarang tekanan. Solat turut membantu memberi intervensi positif terhadap sistem pernafasan, aliran oksigen dalam badan, degupan jantung dan gelombang otak.

Daripada konteks Islam, dengan mendirikan solat fardu lima waktu dan dilengkapkan dengan amalan solat-solat sunat yang pelbagai, seseorang itu akan diberikan pertolongan oleh Allah SWT dalam sebarang kesukaran.

Kedua, dengan amalan berzikir seperti bertakbir, bertahmid, bertasbeeh dan sebagainya merupakan amalan yang mampu menenangkan jiwa sebagaimana jaminan Allah SWT dalam surah ar-Ra'd ayat 28 maksudnya: " (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia."

Ketiga, mengamalkan mendengar, membaca dan menghayati akan tafsir al-Quran. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa, "al-Quran adalah penawar kepada kesakitan minda" (riwayat Bukhari). Membaca Quran sendiri memberikan ketenangan kepada pembaca malah kepada sesiapa yang mendengar bacaannya apatah lagi jika ayat-ayat Allah itu difahami, dihayati dan dijadikan panduan dalam kehidupan. Ini adalah kerana al-Quran (dan al-hadis) merupakan sumber teragung dalam merungkaikan segala permasalahan manusia.

Keempat, meletakkan keyakinan bahawa kehidupan dunia ini adalah sementara dan akhirat jualah tempat yang kekal selama-lamanya. Dengan cara ini, jiwa akan terasuh untuk menyedari bahawa apa sahaja yang berlaku di dunia ini baik ianya bersifat positif ataupun negatif adalah sekadar "warna kehidupan dunia yang tidak kekal lama" dan akan mendapat balasan yang setimpalnya di akhirat kelak. Tekanan yang dihadapi di tempat kerja akan menjadi sesuatu yang terlalu kerdil jika dibandingkan dengan apa yang akan dihadapi di Padang Mahsyar kelak. Diri kita akan sentiasa takutkan azab api neraka dan berusaha mencari keredaan-Nya dan dimasukkan ke dalam syurga.

Kelima, dengan amalan berdoa, memohon keampunan dan menyerahkan segala apa yang telah diusahakan bagi mengatasi tekanan diri untuk ketentuan-Nya. Allah SWT berfirman dalam surah al-Ghaafir ayat 60 bermaksud: Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina". Jika diri kita telah bersungguh-sungguh cuba mengatasi tekanan, mengikut saluran dan kaedah yang tepat, maka kita juga perlu bersifat tawakal dan ikhlas menerima segala ketentuan-Nya.

Kesimpulannya, walau sebesar manapun masalah atau kesukaran yang menyumbang kepada tekanan di tempat kerja, kita perlu sedar bahawa ianya boleh dihadapi dengan jayanya jika tindak-tanduk kita menepati syariat Islam. Jika hati dan pemikiran kita sentiasa bersandarkan kepada sifat tawaduk, yakin dan syukur kepada Allah SWT, maka diri kita akan diberikan petunjuk dan hidayah-Nya dalam menangani segala tekanan tersebut.

By : Puan Nur Dini Farhana Baharudin

On our pursuit to happiness...

Ever heard of people saying, "If I was richer, I would have been happier" or "If I pass this exam, I will be happier"? When happiness is dependent on some materialistic objective in their lives, let me assure you that even when this objective is reached there will always be another 'if' waiting, further postponing their happiness.

Happiness is an inner feeling. It is the contentment and satisfaction of one's soul. You are the only one responsible for your own happiness. Happiness is a decision that you make and stick to it. Prophet Muhammad SAW advised: "Seek the help of Allah, do not be frustrated and if something befalls you, do not say, "If I had done this, so and so would have happened" but say, "Allah decreed and what Allah wills, He does." Indeed, "if" opens the door for evil."

Ibn al-Qayyim classified happiness into three types: (1) external happiness, resulting from the possession of worldly material goods as mentioned in the Quran, 57:20; (2) happiness that originates from the physical body such as health, mood and strength (Quran 95:4-5); and (3) true happiness which originates from the heart and soul (Quran 10:58).

Here are FIVE tips from the Quran and the Sunnah that may help you in your path to a happy, prosperous life on earth and in the Hereafter:

(i) Be grateful

Allah's blessings are countless. Think about your sense of sight, hearing, touch, smell, think about your health, wealth, family and friends. There is always a divine blessing that we need to be thankful for; there is always a benefaction, a grace that we need to glorify and praise Allah for. The Prophet SAW said: "The believer's affair is amazing: it is all for the good, and that is not the case of anyone other than a believer. If good times come to him, he is thankful and thus it is good for him, and if bad times befall him, he is patient, and thus it is also good for him."

Activity: Stop a while and reflect; what did you encounter today that brought a sense of happiness and satisfaction to your heart? Maybe it is the beautiful sunrise, or the smile on your little child's face? You may find a lot to thank Allah for!

(ii) Live in the moment

We cannot change the past; memories may only serve us as guide, warning or lessons for the future. Regretting events long past and dwelling on tragic incidents will cripple us and compromise our well-being. By the same token, we cannot control the future. Fretting about our future and dwelling over our past deny us the joy of noticing and appreciating what we are experiencing at present. The Prophet SAW taught us: "Happiness lies in



The author is a lecturer in Counseling Program, FKP

as if the entire world was granted to him."

Living in the moment brings peace to the mind. It is with this relaxed mind that helps us meet and surmount everyday challenges.

(iii) Keep hope and be optimistic

Harun Yahya, in *Hopefulness in Islam*, explains how the believers see benefits in everything that happens to them. Be it in time of disaster or tragic events, one has to have hope and optimism, with faith and belief in Allah (Quran 32:16-17).

Studies show that people who complain a lot – who always worry, grumble, disapprove, and make a fuss out of every little event in their lives – are the ones who are more prone to encountering difficult situations and events.

Each morning, when we wake up, we have a choice either to be happy and optimistic or otherwise. Choose to be happy, hopeful and look forward to whatever life offers that day. Always look at the positive side of each situation you encounter.

(iv) Be responsible

Do not blame others for your own mistakes: stop looking for answers outside yourself. Look within you, you will find the right answers. Acknowledge that you are responsible for what you choose to feel or think and that you are solely responsible for the choices in your life, so you cannot make excuses and blame others for the choices you made. Be confident in your talents, strengths and abilities.

Develop a positive, self-affirming personality, believe in yourself, but do not be over-confident. We are all human, we can all make mistake/ admit your points of weakness, learn from them and try to correct them. This attitude protects and nurtures both your physical health and your emotional well-being. Allah mentioned in the Quran 4:79: "Whatever of good reaches you, is from Allah, but whatever of evil befalls you, is from yourself."

Being responsible also involves being committed. Commitment means devoting yourself to something and sticking to your plan of choice. Try again and again; do not accept failure. It is up to you to change your failure to success. Remember Allah's words: "Verily Allah will never change the condition of a people until they change what is in themselves." (Quran 13:11).

(v) Forgive and forget

Forgiveness is a prevailing feature of the first Islamic nation. The perfect example is of the Prophet himself. Forgiveness heals you not only emotionally but also physically and mentally. Hatred, bitterness and hostility intoxicate your body. Anger, rancour and revenge are debilitating sentiments that poison the soul and add nothing but pain. On the other hand, forgiveness transcends the soul and frees you from your destructive negative enemy. Allah

Oleh :

En. Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali
dan En. Mohammed Fadzil bin Mat Ya'acob

Istitabah: Satu kaedah Menangani Murtad

Masalah pertukaran agama dalam kalangan masyarakat Melayu Islam atau turut dikenali dengan gejala murtad atau riddah semakin mencapai tahap kritikal dewasa ini. Namun demikian kita haruslah sentiasa berhati-hati dan bersiap sedia menghadapi situasi ini memandangkan ia berkaitan dengan akidah. Isu murtad ini bukanlah perkara yang baru, malahan sebelum ini telah banyak kes murtad berlaku di negara kita, contohnya kes Ayah Pin, Nor Aishah Bokhari, Joshua Jamaludin dan ramai lagi.

Dalam usaha menangani isu murtad ini kumpulan penyelidik USIM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengenengahkan istitabah sebagai kaedah rawatan pemulihan murtad di samping usaha-usaha pencegahan yang giat dilakukan di semua peringkat bagi mengelakkan daripada tersebarnya gejala murtad dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

Perbincangan berkenaan istitabah ini bukanlah sesuatu yang asing dalam perbincangan ulama. Ia dapat dilihat dengan jelas dan kukuh dalam perbincangan disiplin ilmu-ilmu Islam kerana bersandarkan kepada asas yang mantap daripada Al-Quran Al-Karim dan Al-Sunnah Al-Nabawiyah. Sebagai contoh, perbincangan berkenaan istitabah ini boleh didapati dalam

perbahasan mengenai masalah riddah dan sebelum pelaksanaan hukum had ke atas orang-orang murtad.

Al-Istitabah (الاستتابة) bermaksud memohon taubat atau menganjurkan taubat terhadap orang yang murtad supaya bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam dengan cara menasihati serta memberi kefahaman tentang keagungan Islam kepada mereka. Secara teknikalnya, istitabah merupakan satu prosedur rasmi yang digunakan sebelum seseorang itu dijatuhkan hukuman had riddah. Ia adalah satu proses yang mesti dijalani oleh pesalah murtad sebelum diputuskan apa-apa hukuman ke atasnya.

Melihat kepada keperluan ini, pengkaji USIM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Kamaluddin Nurdin Marjuni (FKP) telah bekerjasama dengan MAIS untuk menghasilkan model istitabah yang berteraskan pendidikan sepanjang hayat dengan menggunakan pendekatan psikologi dan sosiologi dakwah. Ahli penyelidik juga telah beberapa kali menyertai bengkel yang dianjurkan oleh MAIS antaranya

Istitabah Baitul Iman Siri IV yang diadakan di Sepang dan yang terbaru Bengkel Pemurnian Modul Istitabah yang diadakan di Shah Alam. Kerjasama dua hala ini disusuli dengan lawatan kerja ke Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman bagi mendapatkan maklumat berkenaan pusat tersebut. Dalam lawatan itu kumpulan penyelidik USIM sempat menyatakan minat untuk menjadi rakan strategik Baitul Iman pada masa hadapan.

Sehingga kini, pihak penyelidik juga telah mendapatkan maklumat berkenaan model istitabah murtad daripada badan-badan agama seluruh Malaysia. Namun hasil maklum balas yang diterima mendapati tiada Modul Istitabah khusus digunakan dalam mengendalikan kes murtad. Walau bagaimanapun, hasil rujukan kami ke beberapa agensi di Indonesia berhasil apabila Jakarta Islamic Centre memberi maklumbalas mempunyai model pemulihan murtad khusus yang dibentuk oleh pakar Kristologi mereka


hasil daripada Focus Group Discussion yang dilakukan. Model ini akan menjadi salah satu rujukan dalam membina model istitabah kelak.

Dengan kata lain model yang akan dihasilkan ini menjadi model istitabah murtad pertama yang dibentuk di Malaysia. Oleh yang demikian, ia akan membantu banyak pihak dalam menangani isu murtad di samping menjadi sumber rujukan kepada badan-badan agama di seluruh negara kerana

setakat ini hanya Negeri Selangor

sahaja mempunyai Pusat Pemulihan Akidah yang sah di sisi undang-undang dan akan mempunyai modul khusus bagi memulihkan pesalah murtad. Harapan kami agar model ini dapat dihasilkan dengan jayanya supaya ia bermanfaat untuk umat dan menjadi pelaburan berharga buat semua ahli penyelidik di akhirat nanti, insya'allah.

Laporan kajian ini disediakan oleh Kumpulan Penyelidik (Istitabah) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terdiri daripada Prof. Madya. Dr. Kamaluddin Nurdin (Ketua Penyelidik), En. Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali, Prof. Madya Dr. Mohd Radhi bin Ibrahim, Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali, Prof. Madya. Dr. Mosbah Mansour Moussa Motawea, En. Mohd Zahiridzal





Pengetua Kolej Kediaman 1 (KK1), Prof Madya Dr Mohd Radhi Ibrahim menghadiri Malam Perdana Siswa pada 18 Mei 2013. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Prof. Dr Hajah Mustafa Mohd Hanefah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bersama Tuan Haji Mazlan Nawang (HEP).



Para pelajar dari Sekolah Menengah Agama Pontian, Johor tekun mendengar taklimat mengenai penggunaan makmal kaunseling di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan pada 25 Mac 2013. Turut kelihatan ialah En Sharrazmi Anas, Penolong Pendaftar FKP dan Saudari Mohd Zaim Rosli, Yang DiPertua Persatuan Mahasiswa FKP (PMFKP).



Sebahagian ahli Pengurusan Universiti bergambar kenangan bersama para pelajar Institut Studi Darul Salam SID Gontor seurus selepas selesai jamuan resepsi pada 25 Februari 2013.



Dekan FKP bergambar bersama sebahagian mahasiswa FKP yang dilantik sebagai ahli Majlis Tertinggi Persatuan Mahasiswa FKP sempena Minggu Watikah pada 13 Mac 2013.



Naib Canselor USIM, Yang Berbahagia Prof Dato' Dr. Asma Ismail bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Yang Berbahagia Prof Dato Dr Musa Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Yang Berbahagia Prof. Dr Hajah Mustafa Mohd Hanefah dan



Naib Canselor USIM bersama Pengarah Pusat Permata Insan USIM, Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim berbincang mengenai program Nurturing Future Muslim Nobel Laureates A Permata



Dekan FKP dan Pengarah ACREDA USIM berbincang bersama Pengarah Pusat Pengajian Siswazah, Prof Dato' Dr Muhamad Muda sempena Bengkel Pemurnian Dasar dan Polisi Harta Intelek USIM pada 24 Jun 2013.



Naib Canselor USIM berbincang bersama Dekan FKP dan Pengarah ACREDA sempena Malam Iringan Kasih Program SPADA pada 19 Mac 2013.



Salah seorang pelajar FKP bergambar bersama Naib Canselor USIM dan rakan-rakan fakulti yang lain sempena Pertandingan Sukan Antara Fakulti pada 16 Mac 2013.



Para pelajar cerdik Islam dari Pusat Permata Insan ketika sedang menghadiri kelas Mental Arithmetic sempena Kem Permata Insan yang diadakan bermula pada 25 Mei 2013.



Puan Rostlina Ahmad, menerima sijil pelantikan daripada En Haizuan Rozali, Pendaftar USIM sempena Sambutan Hari Setiausaha pada 24 April 2013.



Pasukan bola sepak yang dianggotai sebahagiannya daripada kakitangan FKP bergambar kenangan sempena Sukan Staf Antara Jabatan pada 16 April 2013.



تشويه الغرب لصورة الإسلام والمسلمين

وواجب الأمة نحوه

الأستاذ المشارك / دكتور / مصباح منصور موسى مطاوع

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على نبينا الكريم ، وعلى آله

وصحبه أجمعين .



أما بعد

فلقد دأب الكفار قديما وحديثا على تشويه صورة الإسلام والمسلمين؛ حيث حاول مشركو مكة قديما تشويه صورة الرسول صلى الله عليه وسلم ، وهاهو الإعلام الغربي حديثا يمارس نفس الدور في تشويه صورة الإسلام والمسلمين لدى الغربيين ، لكن الأساليب تطوّرت ، فالغرب يمتلك من الصحف والقنوات الفضائية ومحطات الراديو ودور النشر ومدن صناعة الأفلام الكثير والكثير ، وقسم كبير منها يتم توظيفه لتشويه صورة الإسلام الحقيقية ، ودائماً يحاولون الربط بين الإسلام والاستعباد ، وبين الإسلام والإرهاب ، وكأن الإسلام مرض من الأمراض المخيفة التي يحذرون منها ، ويعبرون عنه بكلمة ' إسلام فوبيا ' .

وهناك أسباب دينية و ثقافية و عنصرية وراء ظاهرة الإسلام فوبيا في الغرب ، ففي الغرب يوجد ما يسمى بالثقافة العنصرية أو عنصرية الثقافة ، وهذا المبدأ كان منتشرا في أمريكا وبريطانيا على وجه التحديد وضد فئات معينة ، و في عالم اليوم باتت ثقافة الكراهية ضد الإسلام والمسلمين واضحة ومعروفة ، و الأكثر من ذلك أنّ ثقافة العنصرية و الكراهية من مقومات الثقافة الغربية بشكل عام ، فالغرب كان يعامل الأفارقة المسروقين من ديارهم في إفريقيا أسوأ معاملته ، و لم يكتف الإنسان الغربي بسرقة الإنسان الأسود واستئصاله من جغرافيته ، بل باعه للإنسان الأبيض في أسواق العواصم الغربية ، وقد ظلت تلك الثقافة مسيطرة على المكونات العقلية للإنسان الغربي ، وحاول الغرب وتفننوا في الأساليب المختلفة في الهجوم على الإسلام ، ومن بين هذه الأساليب : إثارة الشبهات التي زرعتها المستشرقون للحد من انتشار الإسلام في البلاد التي لم يصلها الإسلام بعد، و زعزعة ثقة المسلمين في دينهم ، وهذا من أخطر الأسلحة الفكرية للهجوم على الإسلام وعلى أتباعه ، ولهذا يرى البعض أن هذه الشبهات ينبغي استئصالها و بترها، ومصادرة كتبها ، ومهاجمة المواقع التي تنشرها ، والعمل على تخريبها ، درءاً للفتنة وصيانةً للشريعة وحفاظاً على المسلمين ، بينما يرى البعض الآخر أنه لا بد من التصدي لها وتفنيد ما فيها من أباطيل مع ضرورة إجراء محاورات فكرية تتسم بأداب المحاوره والمناظرة في الإسلام مع أصحاب تلك الشبهات ومع من يندفعون بما فيها .

ومن وجهة نظري أن الرأي الثاني هو الأحسن والأسلم في العصر الحاضر ، وذلك لأن النتائج التي نراها بعيوننا الآن من سقوط العديد من الشباب في حبال الشبهات في واقع حياتنا ليردّ الرأي الأول و يراه فاشلا في قطع دابر الفتنة ، كما يُحتم علينا مقارعة الحجة بالحجة ، حتى يظهر زيف هذه الشبهات و يُفضَح الباطل الذي يخطط لها و يُكشف السخف العلمي الذي تستند إليه ، و يجعل الناس يطمنون لدينهم بعيداً عن لغة المصادرة و الحجر الفكرى ، هذا بالإضافة إلى أن المصادرة غير عملية الآن في عالم اختفت فيه الحدود السياسية بالنسبة للإعلام و لم تعد للدول السيادة السياسية على ما يُبث من مواد إعلامية تصل إلى مواطنيها ، و مع هذا فإن نصيحتنا دائما تتوجه بشكل عام إلى الشباب بالألا يُقجموا أنفسهم في تلك المواقع التي تسعى لتشكيكهم في دينهم و بلبلة معتقداتهم .

والحق دائما منصور من الله تبارك و تعالى فقد وعد سبحانه بأن يحفظ هذا الدين

فقال : **إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ** (الحجر ٩) ، وقال : **يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ**

إشكالية التأويل في المنهج الظاهري

"ابن حزم نموذجاً"

أ.د/ كمال الدين نور الدين مرجوني

أستاذ مشارك بقسم العقيدة والأديان



لم تكن ظاهرية ابن حزم في مجال الفتيا والتشريع فحسب، وإنما امتدت لتشمل الإحيات عنده. لذلك اعتمد المذهب الظاهري على القرآن والسنة، فوقفوا عند ظاهر نصوصهما، كما تدل عليه ألفاظ اللغة العربية، وفي ذلك يقول ابن حزم: "وحمل الكلام على ظاهره الذي وضع له في اللغة فرض، لا يجوز تعديله إلا بنص أو إجماع، لأن من فعل ذلك، فقد أفسد الحقائق كلها، والشرايع كلها، والمعقول كله". وفي موضع آخر أنه صرح ببطلان القياس قائلاً: "هو عندنا عين الباطل". وقال في كتابه (النبذ في أصول الفقه الظاهري) أنه لا يحل لأحد أن يفتي، أو يقضي، أو يعمل في الدين إلا بنص قرآني، أو حديث عن النبي أو إجماع متيقن. فهذه مصادر ثلاثة للنص الذي يعمل وفقه، ويشترط في هذا النص أن يؤخذ بظاهره، فلا يجوز لأحد أن يحيل آية عن ظاهرها، ولا خيراً عن ظاهره إلا بنص آخر صحيح مخبر أنه على غير ظاهره، أو بإجماع لا شك فيه، أما إذا وقعت اللفظة في اللغة على معنيين فصاعداً وقوعاً مستويًا، فإنه لا يجوز أن يقتصر بما على أحدهما بلا نص ولا إجماع. واضح من هذه النصوص أن المصادر الشرعية عندهم هي النصوص فقط، فلا علم في الإسلام إلا من النص الشرعي. ولذلك رفض الظاهرية القياس والاستحسان وما إلى ذلك. وقد وصف لنا ابن حيان طريق مناظرته بأنه يحمل هذا العلم ويجادل من خالفه على استرسال في طابعه وبذل بأسراره، ولم يكن يلفظ صدعه بما عنده بتعريض، ولا يرقه بتدريج، بل يصك به من عارضه صك الجندل، وينشقه متعلقة انشقاق الخردل. والسؤال المطروح بنفسه - استناداً إلى رفضه القياس - هل ابن حزم يستخدم التأويل عند التعامل مع النصوص الشرعية؟. يذهب الدكتور زكريا إبراهيم إلى أن ابن حزم اعتمد على منهجين في المناقشة والاستدلال:

- أولاً: المبادئ العقلية المقررة في أوائل الحس وبداية العقل.

- ثانياً: النصوص، فيرفض التأويل أو القياس أو التعليل، مؤكداً أن دين الله تعالى ظاهر لا باطن فيه، وجهر لا سر تحته، كله براهان لا مسامحة فيه، ولم يكن عند رسول الله سر ولا رمز، ولا باطن غير ما دعا الناس كلهم إليه.

والحقيقة، أن ابن حزم على الرغم من رفضه القياس، إلا أنه استعمل التأويل في كثير من القضايا والمسائل الأصولية، حيث يرى أن التأويل: "لا يخلو من أحد وجهين، لا ثالث لهما: إما تأويل يشهد بصحته القرآن، أو سنة صحيحة، أو إجماع، فيه نقول: إذا وجدناه، وإما تأويل دعوى لا يشهد بصحته، نص قرآني، ولا إجماع، فهذا الذي ننكره وتدفعه، ونبرأ إلى الله تعالى منه". ويتضح من هذا النص، أن الظاهرية قسموا التأويل إلى نوعين:

- الأول: التأويل المستند إلى القرآن والسنة. وهذا النوع من التأويل جائز ومسموح به في الدين.
- الثاني: التأويل الذي لا سند له في القرآن والسنة. وهذا التأويل لا يجوز الاشتغال به لخطورته وضرره على الدين.

وهذا يدلنا على أن ابن حزم في الحقيقة يستخدم التأويل في المسائل الأصولية دون الفروع كما يتضح فيآرائه الإعتقادية. وفي مجال الطبيعيات أن ابن حزم يذهب إلى القول بالعلل الأربع، أي الأصول والمبادئ التي قالت بها المدارس اليونانية القديمة من تراب، وماء، و نار، وهواء، ويرفض أن يطلق على الله لفظ (علة) ورد على الكندي في قوله بأن الله علة، ويقول عنه إنه نقض توحيده، وهدم بناءه، ويعلل رفضه بأن العلة فيها معنى الضرورة إلى معلولها، وفي المعلول معنى الضرورة إلى علته، وكل منهما مضاف إلى الآخر، مضطر إليه، متصل به، وأن هذه الصفات لا تتفق مع صفات الخالق الأول الذي كان قبل أن يبدع شيئاً غنياً عن كل شيء، ويقول إن الله هو المبدع للعلل، وأنه هو الذي ابتدئ جميع المعلولات لأجل تلك العلة التي سبقت منه، وأنه ليس شيء من المعلولات كائناً إلا موضوعة وضعا من الله تعالى أن يكون علة ومعلولاً. وعلى أية حال، فابن حزم - بخلاف حاله في غالب الفروع -:

- كان في أصول الدين مختلف الأحوال مضطرب، ولم يكن له منهج ثابت واضح كما هو حاله في الفروع وسبب هذا كما ذكر العلماء دخول شبهات المنطوقات المشتملة عليه، وبسببها تحلى عن ظاهريته المعروفة وسلك مسلك التأويل أو التفويض وتناقض، فيؤول بعض الآيات القرآنية والسنة النبوية فيما يتعلق بالأصول الدينية.

- وأما في الفروع فأبرز منهجه التمسك بظواهر آيات القرآن الكريمة والسنة النبوية وتقديمها على مراعاة المعاني والحكم والمصالح التي يظن لأجلها أنها شرعت. ولا يعمل بالقياس عندهم ما لم تكن العلة منصوبة في الخلق الأول (المقيس عليه) ومقطوعاً بوجودها في الخلق الثاني (المقيس) بحيث يتزل الحكم منزلة (تحقيق المناط).

- كما يحرم العمل بالاستحسان، ويستدل بالإجماع الواقع في عصر الصحابة فقط؛ ولا يعمل بالمرسل والمنقطع خلافاً للمالكية والحنفية والحنابلة، ولا يعمل بشرع من قبلنا، ولا يحل لأحد العمل بالرأي لقوله تعالى: (مَا فَرَطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ) - الأنعام: 38 - وتعدية الحكم المنصوص عليه إلى غيره تعد خلود الله تعالى، ولا يحل لأحد القول بالمفهوم المخالف. والتقليد حرام على العامي كما هو حرام على العالم وعلى كل مكلف جهده الذي يقدر عليه من الاجتهاد.

Oleh: Nur Husna bt. Mohamad Hussain
Dr. Khairunneezam b. Mohd. Noor
Dr. Siti Suriani bt. Othman

Penglibatan Pekerja dan Kualiti Kehidupan Bekerja

Penglibatan pekerja (employee engagement) merupakan satu topik dan konsep yang telah lama diterokai oleh para penyelidik dan pengamal di dalam bidang pengurusan sumber manusia. Perbincangan ilmiah mengenai penglibatan pekerja dapat dikesan bermula pada tahun 1990 oleh sarjana Barat yang dikenali sebagai William Khan. Khan telah mempelopori kajian awal mengenai penglibatan pekerja melalui satu penyelidikan yang berkisar tentang keadaan psikologi yang menyebabkan para pekerja untuk melibatkan atau tidak melibatkan diri dalam tugas masing-masing semasa berada di tempat kerja.

Pada masa kini, sebahagian besar daripada individu merupakan ahli atau pekerja di dalam sesebuah organisasi. Sebagai contoh, para pensyarah di sesebuah universiti. Kerjaya sebagai seorang pensyarah memerlukan individu tersebut melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebagai tugas hakiki mereka. Di samping itu, para pensyarah juga terlibat di dalam aktiviti penyelidikan, konsultansi serta menghasilkan penulisan mengikut bidang kepakaran masing-masing. Oleh itu, mereka mempunyai peranan dan juga tanggungjawab terhadap organisasi masing-masing yang perlu disempurnakan dengan sebaik mungkin. Persoalan yang timbul adalah mengenai apakah kaitan di antara pekerja sebagai sumber manusia bagi sesebuah organisasi dengan kepentingan penglibatan diri pekerja terhadap organisasi tersebut?

Untuk menjawab persoalan utama di atas, keadaan-keadaan berikut perlu diberikan pencerahan yang menjurus kepada simptom-simptom pekerja yang mengalami tekanan kerja serta menghadapi situasi kerja yang kurang kondusif. Sebagai seorang pekerja, pernahkah anda berasa keletihan, tidak sihat secara fizikal, mengalami tekanan emosi, kurang bersemangat dan tidak mampu untuk fokus terhadap tugas yang perlu diselesaikan? Sekiranya anda menjawab ya dan bersetuju dengan pernyataan di atas, keadaan tersebut menunjukkan situasi normal yang dilalui oleh setiap individu yang bergelar pekerja, dan tiada apa yang perlu dirisaukan. Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan-keadaan tersebut berlaku dengan kekerapan yang tinggi dan acap kali melanda dan menghantui diri, ia memberi petanda bahawa wujud situasi di tempat kerja yang tidak sihat dan perlu ditangani dengan segera. Oleh itu, konsep penglibatan pekerja akan membantu

untuk memulihkan dan seterusnya menangani permasalahan yang dihadapi para pekerja sekiranya mereka berhadapan dengan keadaan tersebut.

Justeru, untuk memahami konsep penglibatan pekerja dengan lebih sistematik, kita perlu memahami definisi 'penglibatan pekerja' daripada pandangan sarjana. Schaufeli (2011) melalui artikelnya yang bertajuk 'The measurement of engagement and burnout: A confirmatory analytic approach' mendefinisikan "penglibatan



mempunyai pemikiran kerja berorientasikan kerja). Daripada definisi tersebut, elemen yang perlu diberi perhatian adalah antara lain, penegasan terhadap fikiran yang positif. Definisi ini menerangkan bahawa pekerja yang mempunyai penglibatan diri yang tinggi akan mengalami suatu keadaan pemikiran dan emosi yang positif semasa menjalankan tugas mereka. Dengan itu, ia menjadikan pekerja tersebut lebih bersemangat, bersungguh-sungguh dan menghayati tugasnya dengan lebih baik. Ini berlaku kerana sekiranya konsep penglibatan pekerja terbit dari diri seorang individu, maka mereka akan menonjolkan diri secara fizikal, kognitif dan emosi semasa melaksanakan tugas. Bekerja secara bersungguh-sungguh juga merupakan tuntutan dalam Islam. Ini selaras dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud: "Bekerjalah kamu, Allah melihat segala pekerjaan kamu. Allah maha melihat apa-apa yang kamu kerjakan" (Surah *al-Taubah*, ayat 105).

Schaufeli juga telah merumuskan hasil daripada penghayatan konsep penglibatan pekerja seperti berikut:

- Kadar kemurungan dan kebimbangan adalah lebih rendah
- Tahap kesihatan fizikal yang lebih baik
- Kadar "burnout" yang rendah
- Emosi yang positif
- Kereaktifan HPA (Hypothalamic-Pituitary-Adrenal) pemulihan yang cepat dari kesan kejadian hari semalam

Perbincangan seterusnya boleh dikaitkan dengan konsep penglibatan diri pekerja yang berkesan akan mampu melahirkan sumber manusia yang lebih produktif dalam sesebuah organisasi. Yang jelas, organisasi yang mempunyai tahap penglibatan diri pekerja yang tinggi akan mendapat manfaat yang besar kesan daripada peningkatan prestasi pekerja. Oleh itu, penghayatan konsep ini perlu dipupuk serta dipertingkatkan bagi menghasilkan suasana kerja yang lebih baik dan efisien. Antara langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan penglibatan pekerja adalah melalui motivasi yang berterusan kepada para pekerja mengenai kepentingan peranan masing-masing, mempraktikkan pemikiran yang positif dan aplikasi gaya kepimpinan yang sesuai dengan organisasi berkenaan.

Sebagai kesimpulan, setiap pekerja perlu menghayati peranan, kepentingan serta sumbangan yang boleh diberikan kepada organisasi dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan diri sebagai seorang pekerja yang efisien. Ini kerana perkara tersebut akan mencetuskan suasana kerja yang lebih sihat untuk diri mereka sendiri. Kesedaran ini adalah perlu bagi meningkatkan keseimbangan kualiti kerja kehidupan yang lebih baik atau dikenali sebagai "Quality of Work Life" atau Kualiti Kehidupan Bekerja. Dengan itu, usaha, yang telah dicurahkan akan menjadi lebih bermakna dan turut dirasai untuk kehidupan yang akan datang hasil keikhlasan dalam bekerja.

Oleh: Dr Siti Suriani Othman,
Nur Husna Mohamad Hussain &
Dr Khairunnezam Mohd Noor

Etika Berpakaian, Impak Sosial dan Agama

Soal berpakaian di tempat kerja merupakan satu perkara penting, namun malangnya dilihat "remeh" oleh sesetengah individu dengan anggapan umum "mestilah semua orang berpakaian untuk ke tempat kerja, jadi mengapa perlu dibincangkan soal berpakaian?". Memang kita tidak lagi tinggal di zaman purba di mana sumber pakaian adalah terhad dan konsep berpakaian sendiri dilihat sebagai satu bentuk kemewahan, tetapi jika diperhatikan fenomena hari ini, ramai juga yang hidup selesa dan kaya raya tetapi masih "primitif" dari segi pakaian dan etika berpakaian.

Dalam hal ini, memandang isu ini sebelah mata sebenarnya adalah silap besar, kerana pakaian mempunyai impak tersendiri dalam kehidupan seseorang dan berkait rapat pula dengan hubungan sosial manusia, selain mempunyai perspektif agama yang mendalam di sebalik anjuran berpakaian itu sendiri. Misalnya, dari segi sosial, seseorang individu perlu berpakaian untuk menjadikannya berupaya berfungsi kepada masyarakat, selain berpakaian untuk tujuan perlindungan di tempat kerja (mengikut jenis-jenis pekerjaan tertentu), melindungi manusia daripada cuaca ekstrem dan memberi impresi sosial terhadap si pemakai dalam hirarki sosial masyarakat.

Sebagai seorang Islam misalnya, isu berpakaian tidak wajar dilihat sebagai hanya satu isu sosial semata-mata, tetapi perlulah dilihat dengan cakupan lebih luas yang merangkumi perintah menutup aurat. Al-Quran sendiri telah menggariskan aurat bagi lelaki dan wanita Islam dengan jelas. Dalam surah *An-Nur* ayat 31 misalnya, Allah memerintahkan wanita untuk menutup seluruh tubuhnya kecuali muka dan dua tapak tangan, sebagaimana pandangan yang diberikan oleh Saidina Umar r.a. dan Aisyah r.a.

Perintah menutup aurat dijelaskan dengan panjang lebar dalam surah ini sebagaimana terjemahan berikut:

"Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan (menjaga) pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan (memanjangkan) kain tudung (khumar) ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera (anak-anak lelaki) mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung"." (Surah *an-Nuur*, 24: 31)

Selain itu, dalam Islam juga, umatnya disunatkan untuk memakai

susuk badan. Pakaian yang menyerupai jantina berbeza dan corak pakaian yang menyerupai orang musyrik seperti pakaian yang mengandungi perkataan lucah juga diharamkan.

Suruhan dan larangan ini boleh dikaitkan dengan impak sosial berpakaian tadi, di mana seseorang individu akan lebih mudah diterima masyarakat andainya mempunyai ketrampilan yang diterima ramai, dan pastinya lebih baik lagi jika mempunyai akhlak yang bagus pakaiannya. Bagi kaum wanita khususnya, ia menjadi satu bentuk penghargaan kerana meletakkan wanita di tempatnya, sebagaimana tingginya penghargaan yang diberikan kepada kaum wanita seperti disebutkan dalam sebuah hadith Nabi yang bermaksud;

"Wanita adalah tiang negara jika wanitanya baik maka baiklah negara, dan bila wanita buruk maka negara juga ikut buruk".

Suruhan dan larangan ini juga berfungsi sebagai garis panduan bagi umat Islam untuk bersedia mengelakkan sebarang fitnah dan mudarat kesan daripada kealpaan berpakaian. Dengan itu, Islam sedari awal sebenarnya telah mengharamkan sebab musabab yang boleh membawa kepada sebarang kemudaratan yang berkemungkinan.

Berkait rapat dengan ini, maka konsep berpakaian dalam sesebuah organisasi menjadi penting. Etika berpakaian dilihat termasuk dalam salah satu etika dalam pengurusan Islam. Dalam hal ini, piawaian baik dan buruk (etika) yang dimaksudkan perlulah jelas merujuk kepada saranan berasaskan syariat Islam seperti yang telah disebutkan tadi.

Justeru, dalam hal berpakaian, wanita sendiri perlulah menjadi pendokong utama yang menyokong usaha untuk menyebar luas kefahaman tentang etika berpakaian dan isu-isu yang berkaitan dengannya. Ianya boleh dilakukan melalui praktis etika berpakaian yang berlandaskan lunas Islam ketika menjalankan rutin seharian. Wanita yang indah pakaiannya dari sisi agama ialah wanita yang memelihara diri dan orang di sekelilingnya daripada sebarang kemudaratan berkaitan pakaiannya. Ianya penting bukan hanya kerana impak sosialnya, tetapi yang nyata ia adalah tuntutan agama. Lalu, jika garis panduan ini dituruti, maka tiadalah kritikan yang membidas wanita mengenakan jubah yang tidak menepati kehendak Islam seperti yang pernah dibincangkan dalam media massa baru-baru ini.

Bayangkan jika setiap hari kita ke tempat kerja dan hampir setiap hari juga kita perlu berhadapan dengan sesetengah individu yang sering tidak beretika dalam berpakaian.

Selesakah kita bekerja dalam suasana yang sentiasa menyerap dosa? Sesungguhnya, wanita yang mengundang imaginasi kaum adam sehingga ke peringkat yang tidak perlu sebenarnya merendahkan dirinya di sisi Allah dan peranannya dalam kalangan masyarakat, di samping boleh mengakibatkan kemelesetan produktiviti material kesan imaginasi tiada kompromi



FKP Wujudkan Ruang Study Zone

26 Feb – Persatuan Mahasiswa FKP telah menganjurkan Academic Week yang dilancarkan pada minggu kedua perkuliahan bertempat di Aras 1, Bangunan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

Menurut Prof. Dr. Zulkipli Abd Ghani, kewujudan ruangan untuk "Study Zone" ini adalah untuk memberi keselesaan kepada para pelajar melakukan tugas dan belajar secara berkumpulan.

"Pihak Fakulti telah memperuntukkan RM 1500 kepada PMFKP untuk melengkapkan keperluan seperti meja, kipas, rak buku, kerusi dan sebagainya," katanya ketika merasmikan program ini.

Menurut Yang DiPertua PMFKP, Mohd Zaim Rosli, kewujudan "Study Zone" ini adalah untuk merujukan suasana pembelajaran yang kondusif kepada para pelajar FKP. Selain itu, inisiatif ini adalah bertujuan untuk menggalakkan para pelajar memahirkan diri dalam dua bahasa perantara iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menerusi program "Speaker Corner" dan

menampal perkataan baharu pada setiap hari dipapan kenyataan yang telah disediakan.

"Selain itu, ruang "Study Zone" ini juga menjadi medan untuk mencungkil bakat para pelajar dengan mengadakan pertandingan debat yang berterusan," katanya ketika ditemu bual.

Beliau turut mengharapkan agar para pelajar FKP dan juga pensyarah dapat menyumbangkan bahan-bahan ilmiah seperti buku rujukan dan majalah mini yang telah disediakan.

Ruangan Study Zone ini dipantau oleh ahli PMFKP dan diselaras oleh En Sharrazmi Anas, Penolong Pendaftar di FKP.

Antara aktiviti yang terkini dijalankan ialah kursus MUET yang telah dihadiri oleh 100 orang pelajar.



Karnival SUKA Erat Hubungan Pensyarah, Pelajar

28 April - Empat Kelab Pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan iaitu Transcomm (Program Komunikasi), DIMAC (Program Da'wah dan Pengurusan Islam), PERWADAH (Program Akidah dan Agama) dan PERKAMA (Program Kaunseling) berjaya menganjurkan Karnival SUKA (Sukan, Keusahawanan dan Akademik) di sekitar USIM.

Program Sukan bagi karnival SUKA ini bermula jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 1.00 tengah hari bertempat di Pavillion USIM. Karnival ini telah dimulakan dengan perasmian oleh Dekan, Prof. Dr. Zulkipli b. Abd. Ghani dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP).

Menurut beliau, penganjuran karnival ini bertujuan untuk merehatkan minda dan meningkatkan kecerdasan badan. Selain itu, ia boleh menjalinkan hubungan silaturrahim di antara staf FKP dan para pelajar.

Selepas perasmian, semua persatuan telah mengambil bahagian dalam acara perbarisan antara persatuan-persatuan. Antara acara lain yang dipertandingkan ialah futsal, bola jaring, bola tampar, ping pong dan sukaneka.

Sambutan pelajar-pelajar terhadap karnival ini amat menggalakkan dan memberangsangkan. Penyertaan tidak hanya disertai oleh pelajar-pelajar sahaja, malah para pensyarah dan staf FKP tidak ketinggalan



terutamanya dekan sendiri. Ini dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan antara seluruh warga FKP. Acara kemuncak adalah acara tarik tali yang dimenangi oleh DIMAC.

Dalam acara yang dipertandingkan seperti futsal, telah dimenangi oleh DIMAC. Menurut seorang juri bagi pertandingan futsal, walaupun pada permulaannya sedikit hambar namun dipertengahan permainan ia menjadi semakin sengit dan berlaku sedikit kekasaran antara pemain.

"Walau bagaimanapun, keadaan masih terkawal," tambahnya lagi.

Acara bola jaring telah dimenangi oleh TRANSCOMM dan pertandingan bola tampar dimenangi oleh DIMAC.

Secara keseluruhannya, karnival SUKA dimenangi oleh DIMAC yang mendapat mata tertinggi dalam keseluruhan acara yang dipertandingkan.

Pensyarah FKP Dirai Sempena Hari Guru

23 Mei – Majlis apresiasi untuk meraikan para pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, nyata telah memberikan satu kenangan yang manis kepada para pensyarah bersempena dengan sambutan Hari Guru yang lalu.

Majlis yang diadakan di Dewan Kuliah Fakulti (DKF 1.2) itu telah dihadiri oleh sebahagian para pelajar FKP dan juga barisan pensyarah dengan bertemakan pakaian tradisi Melayu.

Menurut Prof. Dr. Zulkipli Abd Ghani, Dekan FKP, majlis ini adalah untuk menghargai para pensyarah yang selama ini mendidik para pelajar dan



70 Pelajar KISAS Selami Suasana Pembelajaran di USIM

25 April – Seramai 70 orang pelajar dari Kolej Islam Sultan Shah Alam (KISAS) berpeluang merasai suasana gaya pembelajaran di universiti dengan mengadakan lawatan ke Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP).

Kedatangan mereka telah disambut oleh sebahagian para pelajar FKP dan pelbagai aktiviti telah diadakan seperti sesi dialog, sesi motivasi, pembentangan kertas kerja dan lawatan ke sekitar FKP.

Lawatan yang turut diiringi oleh beberapa orang pegawai dari KISAS diketuai oleh Puan Misyati manakala En Sharrazmi Anas mewakili FKP.

"Saya merupakan bekas pelajar KISAS dan mengharapkan agar adik-adik dapat memilih USIM untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah dalam pelbagai bidang," kata Mohamad Razif Mohamad Fuad, Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) semasa sesi motivasi yang dikendalikan olehnya.

Menurut beliau, sekarang adalah masanya kepada para pelajar mempersiapkan diri untuk melangkah ke menara gading dan diharapkan lawatan ke USIM ini akan menjadi pembakar semangat kepada para pelajar semua.

Tiga pelajar yang terpilih telah mengadakan pembentangan kajian yang dijalankan sebelum majlis berakhir pada jam 5 petang.



Norhaliza Harumkan nama FKP, USIM di AUG

21 Dis – Norhaliza Muaidi, Pelajar Tahun 3 Kaunseling telah berjaya meraih tempat ketiga dalam Asean University Games (AUG) yang telah berlangsung pada 12 hingga 20 Disember tahun lepas di Vientiane, Laos.

Beliau yang mewakili Malaysia dalam kategori Pencak Silat : Silat Seni (Ganda Puteri) bersama pasangan silat iaitu Nurul Amalina Subhki, Pelajar Fiqh Fatwa, Fakulti Syariah dan Undang-Undang telah berjaya membawa pulang pingat gangsa, patung mascot dan wang tunai berjumlah RM 150.

Menurut Norhaliza, beliau bersyukur dan gembira walaupun hanya meraih tempat ketiga dalam pertandingan tersebut.

"Walaupun hanya berjaya menduduki tempat ketiga, namun saya bersyukur kerana dapat menaikkan nama dan imej Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang sukan. Saya juga ingin berterima kasih kepada jurulatih saya iaitu Encik Faizal Abu Bakar, dari Pencak Silat Malaysia," katanya lagi.



Pelajar Tahun Akhir Bentang Latihan Industri

11 Jun – Semua pelajar tahun akhir dalam empat program di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah membuat pembentangan di Dewan Kuliah Fakulti (DKF 1.2) setelah masing-masing tamat menjalani latihan industri (LI).

Pembentangan ini merupakan inisiatif fakulti untuk memastikan para pelajar yang telah menjalani latihan industri dapat berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman bersama-sama pelajar lain.

Di samping itu, pembentangan ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana perkembangan dan kebolehan para pelajar dalam mengaplikasikan ilmu dan teori yang telah dipelajari ke praktikal semasa mereka menjalani latihan industri sama ada di jabatan kerajaan mahupun swasta.

Selain pembentangan, para pelajar juga dinilai menerusi laporan buku log, laporan prestasi oleh penyelia lapangan, laporan aktiviti pelajar dan dipantau oleh penyelia di fakulti sebanyak sekali.

Pembentangan ini dijalankan secara berperingkat oleh setiap program dan dipantau penyelia dalam program

KARYA PELAJAR

TRANSFORMASI MINDA MAHASISWA ISLAM



Mohd Zaim Rosli

Manusia menjalani suatu proses penciptaan yang sangat unik dan sempurna. Penceritaan tentang proses kejadian yang istimewa ini disemadikan oleh penciptanya Allah SWT yang Maha Hebat lagi Bijaksana di dalam surah Al-Mu'minin, ayat 12, 13 & 14, Allah Ta'ala berfirman yang bermaksud :

"Dan sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dari pati yang berasal dari tanah. (Pati yang berasal dari tanah, ialah pati makanan yang berasal dari tumbuh-tumbuhan dan tanaman yang tumbuh di bumi).Kemudian

Kami jadikan pati itu setitis air benih (air mani), pada tempat penempatan yang kukuh. Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging, kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa ketul daging, kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang, kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk ia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya (keadaannya yang asal serta ditiupkan roh padanya). Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta."

Menurut Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, Dekan Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan, USIM, bahawasanya Allah S.W.T mencipta manusia melengkapkan mereka dengan keupayaan intelek dan menjadikan mereka sebagai khalifah (pemimpin) di atas muka bumi. Di samping kejadian manusia, Allah juga mencipta makhluk-makhluk dan kejadian lain sebagai sesuatu yang berguna kepada manusia. Tidak cukup dengan kesempurnaan kejadiannya, sekali lagi manusia diangkat dan diiktiraf menjadi khalifah yang mentadbir dan memakmurkan bumi Allah. Kronologi peristiwa dan hikmah penciptaan ini harus difahami oleh seluruh hambaNya sama ada yang Islam mahupun yang bukan Islam dalam memahami erti kehidupan.

Untuk membina sebuah tamadun Islam ianya memerlukan kepada barisan kepimpinan muda yang hebat dan berwibawa dari aspek kemahiran, ilmu, dan pekerti mulia. Justeru itu, suatu transformasi pemikiran mahasiswa harus dilaksanakan sebaiknya dengan strategi dan kecekapan juga kecanggihan teknologi masa kini bagi menghasilkan suatu tindakan yang kemas dan terancang ke arah pembentukan sebuah tamadun Islam yang gemilang.

Tuntutan Transformasi Minda Dalam Islam

Dalam Islam transformasi adalah merupakan suatu tuntutan. Ianya dapat diperhatikan didalam Al-Quran surah al-Baqarah ayat 218 yang bermaksud :

"Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah dan berjihad di jalan Allah, mereka itulah yang boleh mengharap rahmat dari-Nya."

Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya: "Orang yang berhijrah itu ialah mereka yang meninggalkan apa-apa yang dilarang Allah ke atasnya." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Rasulullah S.A.W juga bersabda mafhumnya :

"Sesungguhnya orang yang paling berjaya ialah orang yang hari ini lebih baik dari semalam dan orang yang gagal adalah orang yang hari ini lebih teruk dari semalam, manakala orang terpedaya adalah orang yang hari ini sama dengan hari semalam". (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sesungguhnya dalil daripada Al-Quran dan as-sunnah ini menjadi bukti kepada tuntutan melakukan penghijrahan atau transformasi dalam

difahami bahawa hijrah yang sebenarnya bukanlah merujuk kepada penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W dari Makkah ke Madinah semata-mata, tetapi apa yang lebih penting ialah menjiwai dan menghayati perjuangan dan kebijaksanaan Rasulullah s.a.w menjana serta mengangkat kalimah Lailahailallah ke mercu dunia demi kesejahteraan umat.

Transformasi Minda Mahasiswa Islam

Pemikiran merupakan proses membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam otak manusia. Semasa berfikir, otak manusia akan bertindak dengan usaha memahami rangsangan luar yang diterima melalui deria, membentuk konsep, membuat tafsiran dan tindak balas berdasarkan pengalaman yang sedia ada dalam ingatan. Dr. Zuhdi Marzuki (2001) mendefinisikan mahasiswa sebagai suatu kelompok pelajar yang berada dalam peringkat paling tinggi dalam sistem pendidikan formal sesebuah negara. Penggembilangan tenaga kelompok ini berteraskan daya keintelektualan yang bersifat idealis untuk mencapai matlamat yang digagaskan bersama, selaras dengan kedudukan mereka di menara puncak ilmu.

Natijahnya, lahir suatu arus gerakan yang senantiasa bersama dengan kebenaran (al-Haq) dan sama sekali tidak bersekongkol dengan kebatilan hatta kelompok mereka ini dikenali sebagai independence group dan transformasi minda mahasiswa Islam adalah merupakan suatu agenda bersepadu dalam usaha mengubah dan membentuk corak pemikiran segolongan pemuda Islam yang memiliki daya intelektual dan kematangan yang tinggi.

Mahasiswa Islam adalah pencinta, pengkaji dan penyebar ilmu al- haq

Mahasiswa dan ilmu tidak mungkin dapat dipisahkan dan seharusnya memahami konsep Iqra` yang dijelaskan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran sebagai wahyu pertama dan utama bagi umat Muhammad. Baca tidak hanya tertumpu kepada pembacaan terhadap bahan bacaan yang telah siap tersedia dan dibukukan malah baca juga menunjukkan kepada suatu proses berfikir dan mengkaji terhadap apa yang telah Allah jadikan di sekeliling kita sebagai dalil dan sumber ilmu dalam membangunkan kehidupan. Dengan cara ini, ilmu semakin berkembang dan menjadi acuan penting dalam mencipta pembangunan. Justeru mahasiswa tidak seharusnya memandang tugas-tugas ilmiah itu sebagai suatu yang membebankan, dan untuk tujuan maritokrasi semata-mata, akan tetapi sudah tiba masanya mahasiswa melihat diri sebagai pencari, pengkaji, pengamal dan penyebar ilmu yang haq kepada masyarakat di samping menggunakan ilmu untuk mengenali diri sendiri seterusnya mengenal Allah.

Mahasiswa Islam Adalah Barisan Kepimpinan Muda Negara

Mahasiswa Islam harus sedar bahawa mereka adalah merupakan *tunggak kepimpinan muda negara dan bukanlah sebagai barisan "pelapis" kepimpinan negara semata-mata* tetapi pemimpin muda yang patut memulakan peranan mereka bermula dari sekarang dan bukannya menanti waktu graduasi nanti. Sengaja disebut mereka sebagai pemimpin muda supaya mereka sentiasa meletakkan diri sebagai pemimpin kepada diri sendiri dan masyarakat. Kesempatan yang ada semasa berada di kampus sememangnya peluang keemasan yang harus dimanfaatkan sebaiknya oleh mahasiswa. Melalui persatuan pelajar, mereka berpeluang membangunkan nilai kepimpinan yang jitu, penguasaan ilmu yang baik dan membina jaringan komunikasi seluasnya. Dengan bantuan daripada tenaga pengajar dan kakitangan yang produktif nescaya mahasiswa Islam mampu dibangunkan sebaiknya.

RESENSI BUKU



Penulis: Profesor Madya Datin Dr Hajah Sapora Sipon

Tahun Terbit: 2013

Buku Kaunseling Kelompok Edisi Kedua ini adalah penambahbaikan daripada buku asal dengan memasukkan beberapa teori kaunseling kelompok yang baharu seperti Terapi Tingkah Laku, Terapi Adlerian, Terapi Realiti dan Terapi Analisis Transaksional (AT). Selain itu, penambahan mengenai struktur kelompok juga antara perkara baharu yang dibincangkan dalam buku ini diikuti dengan tajuk berkaitan kajian keberkesanan kaunseling kelompok. Terdapat sembilan bab dalam buku ini yang membicarakan pengenalan kaunseling kelompok, jenis-jenis kelompok, perancangan kelompok, proses kaunseling kelompok, kemahiran kaunseling asas dalam kaunseling kelompok, kemahiran memimpin, isu-isu dalam kaunseling kelompok, kaunseling kelompok dengan pelbagai kelompok dan teori-teori kaunseling kelompok. Edisi kedua ini disusun dengan lebih teliti dan penambahan lebih banyak gambar untuk memberi kesegaran kepada pembaca mengenai ilmu kaunseling kelompok. Bahasa yang digunakan mudah difahami. Buku ini amat sesuai untuk pelajar kaunseling dari institusi pengajian tinggi, guru, kaunselor serta pembaca yang ingin mengetahui mengenai kaunseling kelompok.

Penulis: Profesor Madya Datin Dr Hajah Sapora Sipon, Puan Khatijah Othman dan Dr Othman Abdul Rahman

Tahun Terbit: 2013


Buku ini memberi gambaran menyeluruh mengenai sejarah, definisi serta punca stres. Ia juga membincangkan mengenai teori stres serta memberi pendedahan kepada stres guru, polis dan kaunselor. Teori stres yang dibincangkan antaranya Teori Psikodinamik, Teori Tingkah Laku, Teori Stres Pembelajaran Kognisi, Teori Stres dari Sudut Pembelajaran, Teori Tingkah Laku dan Biologikal, Teori Stres Sosial, Stres secara Psikologi, Stres secara Holistik, Teori Transaksi dan Model Stres Transaksional Pelbagai. Selain itu, Teori Interaktif Stres, Teori Kawalan dan Person-Environment Fit, Teori Pemusatan Insan, Teori Rasional Emotif Tingkah, Stres dari Pendekatan Iman Ghazali serta Stres dari Sudut Pandangan Psikologi Kognitif *Ad-Din* turut mewarnai buku ini. Bagi membantu pembaca memahami pengurusan stres, pelbagai kaedah stres turut dipaparkan dalam buku ini. Mekanisme bela diri seperti represi, regresi, projeksi, pembentukan reaksi, pindah gantian adalah strategi berdaya tindak yang dibincangkan dalam buku ini. Bahasa yang digunakan adalah mudah dan sesuai untuk semua pembaca.



Penulis: Dr Mohd Rumaizudin Ghazali

Tahun Terbit: 2013


Buku ini membicarakan tokoh-tokoh mujahid sepanjang zaman abad ke-19 dan 20. Mereka telah mendambakan diri kepada dakwah Islam sepanjang hidup. Kehidupan mereka penuh dengan perjuangan yang patut diambil pengajaran dan iktibar oleh generasi kini. Buku ini patut dibaca oleh semua lapisan masyarakat untuk mengenali ketokohan mereka dengan lebih dekat.



Penulis: Professor Madya Dr Mohd Radhi Ibrahim

Tahun Terbit: 2013

Akidah seringkali dilihat sebagai asas teori yang membezakan kepercayaan Islam dari kepercayaan yang lain. Karya sederhana ini cuba meneliti akidah daripada dimensi yang sedikit berbeza iaitu akidah sebagai pendorong individu Muslim melakukan amalan baik dan menjauhi amalan buruk. Karya ini bertujuan untuk membantu generasi Islam semasa menguruskan akidah mereka dengan baik bagi mencapai objektif akidah. Seterusnya, mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Selain itu, karya ini turut membantu



11 Jan - Jun 2013

PERKEMBANGAN KERJAYA

1. PELANTIKAN JAWATAN PENTADBIRAN USIM

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh
1.	Dr. Othman Ab. Rahman	Pengarah, Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran	1 Januari – 31 Disember 2014
2.	Dr. Abdul Rahim Zumrah	Pengetua, Kolej Kediaman Acacia Avenue	1 Januari - 31 Disember 2013
3.	Prof. Dr. Musa Abu Hassan	Pengarah, Pusat Komunikasi Strategik	1 Februari – 26 Jun 2013
4.	Prof. Datuk Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim	Pengarah Pusat Permata Insan	26 Februari – 25 Februari 2015
5.	Pn. Rosidayu Sabran	Ketua Program Komunikasi	1 Mei 2013 – 30 April 2015

2. PELANTIKAN BARU / PENYAMBUNGAN KONTRAK

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh
1.	Prof. Madya Dr. Mosbah Mansour Moussa Motawea	Profesor Madya (DS53) (Kontrak)	14 Januari 2013 – 13 Januari 2015
2.	Dr. Nasser Ahmed Nasser Habtour	Pensyarah Kanan (DS51) (Kontrak)	10 Januari 2013 – 9 Januari 2015
3.	Dr. Mahazan Abdul Mutalib @ Taib	Pensyarah (DS51)	18 Februari 2013
4.	Prof. Datuk Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim	Profesor (VK7)	26 Februari 2013– 25 Februari 2015
5.	Dr. Rozita Abdullah	Pensyarah (DS45) - Sementara	2 April 2013
6.	Dr. Khairunneezam Mohd. Noor	Pensyarah (DS45) - Sementara	8 Mei 2013
7.	En. Mohd. Hanif Hazahari	Felo Siswazah (Sementara) – Program Dakwah dan Pengurusan Islam	30 Mei 2013
8.	En. Yasin Md Rafangi @ Md Rafee	Felo Siswazah (Sementara) – Program Pengajian Akidah dan Agama	5 Jun 2013
9.	En. Mohd Hafizudin Mohd Saad	Felo Siswazah (Sementara) – Program Komunikasi	11 Jun 2013
10.	En. Sharrazmi Anas	Pegawai Tadbir (N41) - Kontrak	15 Jun 2013 – 14 Jun 2015

3. STAF MELANJUTKAN PENGAJIAN

Bil.	Nama	Jawatan	Tempoh Pengajian	Tempat Pengajian
1.	Cik Suria Hani A. Rahman	Pensyarah (DS45)	1 Januari 2013 – 31 Disember 2015	Loughborough University, United Kingdom (Peringkat : Ph.D)
2.	Pn. Farhana Sabri	Felo Siswazah	10 Januari 2013 – 9 Januari 2016	Kent State University, Kent, Ohio, USA (Peringkat : Ph.D)
3.	En. Mohd. Khairul Anuar Rahimi	Felo Siswazah	10 Januari 2013 – 9 Januari 2016	Kent State University, Kent, Ohio, USA (Peringkat : Ph.D)
4.	Pn. Rezki Perdani Sawai	Pensyarah (DS45)	13 Februari 2013 - 12 Februari 2016	Universiti Putra Malaysia, Malaysia (Peringkat : Ph.D)

4. STAF TAMAT PENGAJIAN

Bil.	Nama	Jawatan	Tempoh Pengajian	Tempat Pengajian
1.	Dr. Mahazan Abdul Mutalib	Tutor (DA41)	13 Januari 2013	Ph.D
2.	Dr. Mohd. Faizal Kasmani	Pensyarah (DS45)	5 Februari 2013	Ph.D
3.	Dr. Rozita Abdullah	Tutor (DA 41)	25 Mac 2013	Ph.D
4.	Dr. Khairunneezam Mohd. Noor	Tutor (DA41)	8 Mei 2013	Ph.D

5. STAF TAMAT PERKHIDMATAN

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh
1.	Dr. Adanan Mat Junoh	Pensyarah Kanan (DS51)	3 Mac 2013

PROGRAM /AKTIVITI FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN 2013

BIL.	PROGRAM	ANJURAN	TARIKH
1	Academic Week of FKP (ACAWeek) 2013-04-15 "Improving Language, Enhancing Knowledge"	Persatuan Mahasiswa FKP	2-8 Mac 2013
2	Program Sembang Santai Siswa 2013	Persatuan Mahasiswa FKP	6 Mac 2013 – 8 Mei 2013
3	Kem Pengukuhan Jati Diri Pengajian Akidah dan Agama	Perwadah	8-10 Mac 2013
4	Program SMART SOLAT di Sekolah Kebangsaan Taman Semarak, Negeri Sembilan	Pelajar Dakwah dan Pengurusan Islam	9 Mac 2013
5	Program Kem Pengukuhan Akademik	DIMAC	10 Mac 2013
6	Program "We Love Rasulullah"	Perkama	11 Mac 2013
7	Bedah Buku FKP 2013	Perwadah	11 Mac – 13 Mei 2013
8	Minggu Kepimpinan dan Pengurusan	Persatuan Mahasiswa FKP	11-13 Mac 2013
9	Program Kepimpinan Islam dan Pengurusan Organisasi "Pemimpin Mithali Pemacu Organisasi Berkualiti"	Persatuan Mahasiswa FKP	16-17 Mac 2013
10	Program Kursus Pra Perkahwinan Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam	Pelajar Dakwah dan Pengurusan Islam	16-17 Mac 2013
11	Program Susulan Secara Berkala Kursus Dakwah dan Pengurusan Islam	DIMAC	22 Mac 2013 6 April 2013 3 Mei 2013
12	Lawatan Sambil Belajar Kaunseling Pemulihan Dadah ke CCRC Jelebu	PERKAMA	26 Mac 2013
13	Program Bicara Tokoh Program Komunikasi	Program Komunikasi	27 Mac 2013 25 September 2013
14	Program "Srikandi Mukhtar"	DIMAC	29 Mac 2013
15	Program Pembangunan Kepimpinan Mahasiswa Islam Perdana	USIM	5-8 April 2013
16	Lawatan Ke Penjara Penor dan Drug Intervention Community (DIC) Pahang dan Roadshow Program Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah Daerah Kemaman, Terengganu	SPADA	6-8 April 2013
17	Kem Anak Soleh (KEMAS) di Masjid Sultan Hisamudin Bandar Baru Salak Tinggi	DIMAC	13-14 April 2013
18	Bengkel Penggunaan Ujian Psikometrik	PERKAMA	16 April 2013
19	Bengkel Pengurusan Organisasi	DIMAC	20 April 2013
20	Program Ziarah Mahabbah	DIMAC	20 April 2013
21	Program 'Tautan Mahabbah' Program Dakwah dan Pengurusan 2012/2013 Teluk Kemang, Port Dickson Pelajar Dakwah	DIMAC	21 April 2013
22	Minggu Keusahawanan Pelajar Unit Ekonomi dan Keusahawanan PMFKP	Persatuan Mahasiswa FKP	22-25 April 2013
23	Program Lawatan Eksplorasi Kursus Psikopatologi Dalam Keluarga (ABK8033)	Sarjana kaunseling Keluarga	23 April 2013 3 Mei 2013
24	Projek Kursus: Program Bengkel Lawatan Eksplorasi Pelajar Kaunseling Tahun 2	PERKAMA	24 April 2013 29 Mac 2013
25	Program Wacana Siswi "Peranan Siswi Terhadap Negara" (Unit Hal Ehwal Wanita, HELWA)	Sekretariat Pendakwah Muda (SPMM) USIM	25 April 2013
26	Karnival SUKA dan Hari Keluarga FKP	Persatuan Mahasiswa FKP	26-27 April 2013
27	Program Kecemerlangan Pelajar Dalam Peperiksaan	PERKAMA	27 April 2013
28	Program Peningkatan Profesionalisme Kaunseling SPADA sesi 2012/2014	Pelajar SPADA Sesi 2012/2014	29-30 April 2013
29	Lawatan Sambil Belajar Kaunseling Pemulihan Dadah (Agensi Bukan Kerajaan) Pengasih Malaysia	PERKAMA	30 April 2013
30	Malam Tafakkur Bersama Mahasiswa FKP 2013 "Meneroka Ibadah Membina Sahsia"	Persatuan Mahasiswa FKP	3-4 Mei 2013
31	Pemantapan Rohani Terdidik Generasi Bersama Imam Muda Hassan	DIMAC	3 Mei 2013
32	Program Kembara Kerjaya Mahasiswa Kaunseling di Kampung Panchor	PERKAMA	3-5 Mei 2013
33	Lawatan Bakti Islamiah Rumah Seri Kenangan, Seremban, Negeri Sembilan	DIMAC	5 Mei 2013
34	Majlis Iftar, Tadarus Al-Quran dan Kempen Solat Dhuha "Membina Peribadi Berteraskan Sunnah Nabawi"	Persatuan Mahasiswa FKP	7-23 Mei 2013
35	Muzakarah Kepimpinan dan Pengurusan 2013	Program Dakwah dan Pengurusan	8 Mei 2013
36	Program Kecemerlangan Pelajar Melalui Perkhidmatan Kaunseling Sek. Men Keb. Seri Keramat Pelajar Tahun 1 Kaunseling	PERKAMA	10 Mei 2013
37	Lawatan Industri ke Kilang Mamee-Double Decker (M) Bhd Pelajar Tahun 1 Kaunseling	PERKAMA	11 Mei 2013
38	Program Sehari Bersama Gelandangan	DIMAC	11-12 Mei 2013

STAF CONTOH FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN



En Kamarul Amri
Kamalruzaman
Pembantu Am Pejabat
Bulan Januari 2013




Prof. Datuk Dr. Hajah
Mizan Adiliah Ahmad
Ibrahim
Profesor di Program
Kaunseling
Bulan April 2013



Dr Salhah Abdullah
Ketua Program Kaunseling
Bulan Februari 2013



Puan Nurzillawaty Zaidin
Pembantu Tadbir
Bulan Mei 2013



Prof. Dr. Musa Abu
Hassan
Profesor di Program
Komunikasi
Bulan Mac 2013



En Muhammad Zaki
Mustafa
Pensyarah di Program
Komunikasi
Bulan Jun 2013



AL-NASHRAH

Leading The Way - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Universiti Sains Islam Malaysia,

Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Pihak Fakulti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada anda atas usaha cemerlang yang diberikan. Semoga akan terus maju dalam lapangan karier pada masa akan datang. Svabas dan tahniah!